

Bah di Perlis, Kedah makin pulih

ALOR SETAR: Keadaan banjir di Kedah dan Perlis semakin pulih dengan mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan di kedua-dua negeri berkenaan berkurangan kepada 5,110 orang.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (Kedah), berkata sehingga petang semalam, seramai 5,103 orang daripada 1,330 keluarga masih berada di pusat pemindahan di negeri ini.

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 3,342 orang membabitkan 816 keluarga adalah mangsa banjir di daerah Kota Setar, manakala di Kubang Pasu pula seramai 1,761 orang membabitkan 517 keluarga.

"Sebanyak 21 pusat pemindahan masih beroperasi di negeri ini iaitu 12 di Kota Setar, manakala 9 lagi di daerah Kubang Pasu," katanya.

Di **KANGAR**, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Perlis berkata, hingga petang semalam hanya lima mangsa membabitkan satu keluarga masih berada di pusat pemindahan yang beroperasi di daerah ini.

"Ketika ini hanya satu pusat pemindahan beroperasi di Perlis iaitu di Masjid Al-Mustaqim, Seriab di sini," katanya.